

PENTING/ PENAFIAN INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).		Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini dan Terma dan Syarat sebelum anda memohon dan memutuskan untuk melanggan produk ini. AKAUN PELABURAN WAFIYAH
1. Apakah maklumat berkaitan produk ini?		
Nama Produk	Akaun Pelaburan Wafiyah	
Jenis Akaun Pelaburan	"Akaun Pelaburan Tidak Terhad" merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) memberikan mandat penuh kepada pihak Bank untuk membuat keputusan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.	
Pihak-Pihak yang Terlibat dalam Aktiviti Pelaburan Serta Peranan dan Tanggungjawabnya	Pihak-pihak yang terlibat adalah IAH sebagai pelabur dan Bank bertindak sebagai ejen untuk menjalankan aktiviti pelaburan bagi pihak IAH. Bank akan bertanggungjawab untuk menguruskan pelaburan yang disediakan oleh IAH. IAH tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelaburan.	
2. Apakah konsep Syariah yang terlibat?		
<p>"Wakalah Bil Istithmar" ialah satu bentuk kontrak Wakalah (atau kontrak agensi) yang dimeterai untuk tujuan pelaburan</p> <p>"Wakalah" bermaksud kontrak di mana satu pihak (Muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (Wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam perkara yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran. Di bawah Akaun Pelaburan Wafiyah ini, IAH sebagai Muwakkil atau prinsipal memberi kuasa kepada Bank sebagai Wakil atau ejen untuk menjalankan aktiviti pelaburan dan sebagai balasannya Bank akan menerima bayaran untuk perkhidmatan yang disediakan.</p>		
3. Produk ini sesuai untuk siapa?		
Pasaran Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Individu (Pemastautin dan Bukan Pemastautin). • Bukan Individu (Perniagaan/ Entiti-entiti Lain). 	
Jenis Akaun	Individu, Akaun Bersama, Akaun Amanah, Persatuan, Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan-Badan Agama, Masjid, Sekolah/ Universiti, Kelab dan apa-apa jenis akaun sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.	
Risiko Prinsipal Pelaburan	Amaun pelaburan dan pulangnya tidak dijamin.	
Had Pelaburan	Tiada had pelaburan.	
4. Apakah jenis pelaburan yang terlibat?		
Objektif Pelaburan, Strategi dan Polisi	Objektif	Menyediakan pendapatan yang stabil melalui pembiayaan dan aset kewangan.
	Strategi	Memastikan pelaburan berada dalam objektif pelaburan dana melalui peruntukan aset yang melindungi pelaburan.
	Polisi	Menguruskan pulangan pelaburan dengan cara yang konsisten dengan objektif pelaburan IAH.
Butiran Aset Pendasar	Dana akan dilaburkan dalam Pembiayaan Rumah dan Pembiayaan Peribadi Pakej.	
Penilaian Risiko ke atas Prestasi Aset Pelaburan	Pengurusan proaktif portfolio aset pembiayaan runcit dan laporan prestasi suku tahunan portfolio pelaburan boleh dilihat melalui laman sesawang Bank Islam.	
Amaun Pelaburan Permulaan Minimum	RM1,000 bagi satu (1) bulan dan RM500 bagi dua (2) bulan dan ke atas.	
Tempoh Pelaburan	Satu (1) ke dua puluh empat (24) bulan.	

Kaedah Pembayaran Keuntungan	<p>i. <u>Kekerapan Pembayaran Keuntungan</u> – Pada tarikh matang atau pada selang waktu tertentu bagi tempoh melebihi lima belas (15) bulan iaitu setiap setengah tahun.</p> <p>ii. <u>Jangkaan Keuntungan/ Pulangan</u> – Boleh dirujuk di https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/ yang akan dikemas kini dari semasa ke semasa.</p> <p>iii. <u>Aqihan Keuntungan</u> – Berdasarkan senario-senario berikut:</p> <p>a. Jika Kadar Keuntungan Sebenar melebihi (atau sama dengan) Kadar Keuntungan Jangkaan: ✓ Bank akan membayar Kadar Keuntungan Jangkaan kepada IAH; dan ✓ sebarang lebihan akan disimpan oleh Bank sebagai insentif prestasi.</p> <p>b. Jika Kadar Keuntungan Sebenar kurang daripada Kadar Keuntungan Jangkaan: ✓ Bank bertanggungjawab membayar Kadar Keuntungan Sebenar kepada IAH; dan ✓ kerugian (jika ada) hendaklah ditanggung oleh IAH dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat oleh Bank.</p> <p>iv. <u>Pulangan Pelaburan</u> – Formula dan ilustrasi seperti berikut:</p> <p style="text-align: center;">Pulangan Pelaburan = Amaun Pelaburan x Kadar Keuntungan x Tempoh (bil. hari) / 365</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Amaun Pelaburan</td> <td>=</td> <td>RM10,000</td> </tr> <tr> <td>Pulangan Jangkaan</td> <td>=</td> <td>2.50% setahun</td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td>=</td> <td>61 hari</td> </tr> </table> <p>a. Jika Kadar Keuntungan Sebenar melebihi (atau sama dengan) Kadar Keuntungan Jangkaan iaitu 2.60% setahun. Pulangan Pelaburan = $RM10,000 \times 2.50\% \times 61/365$ = RM41.78</p> <p>b. Jika Kadar Keuntungan Sebenar kurang daripada Kadar Keuntungan Jangkaan iaitu 2.40% setahun. Pulangan Pelaburan = $RM10,000 \times 2.40\% \times 61/365$ = RM40.11</p> <p>v. <u>Jangkaan Keuntungan/ Pulangan semasa Pembaharuan Automatik</u> – Kadar jangkaan adalah berdasarkan kadar keuntungan semasa Bank ketika pembaharuan dibuat.</p>	Amaun Pelaburan	=	RM10,000	Pulangan Jangkaan	=	2.50% setahun	Tempoh	=	61 hari
Amaun Pelaburan	=	RM10,000								
Pulangan Jangkaan	=	2.50% setahun								
Tempoh	=	61 hari								
Terma dan Syarat Utama	<p>i. Bagi pelaburan menggunakan cek, tempoh pelaburan hanya akan bermula setelah cek tersebut dijelaskan.</p> <p>ii. Jika IAH tidak hadir untuk membuat penebusan pada tarikh matang pelaburan beliau, Bank akan menganggap bahawa IAH telah bersetuju untuk memperbaharui sijil secara automatik, dan pengiraan keuntungan adalah seperti di atas.</p> <p>iii. Apabila pelaburan ditebus pada tarikh matang, IAH boleh menerima amaun pokok yang ada dengan keuntungan, jika ada.</p> <p>iv. IAH boleh menerima jumlah yang kurang daripada amaun pelaburan mereka jika IAH menebus semua pelaburan sebelum tarikh matang. Keuntungan bagi penebusan pramatang (jika ada) tertakluk kepada Kadar Keuntungan Diskaun iaitu 2/3 daripada Kadar Keuntungan Jangkaan atau Kadar Keuntungan Sebenar, yang mana lebih rendah, semasa penebusan pramatang dibuat. Kaedah yang sama diguna pakai bagi pembayaran keuntungan interim kepada IAH.</p> <p>v. Penebusan separa tidak dibenarkan</p> <p>Nota: Amaun sebenar yang dibayar kepada IAH akan bergantung kepada nilai pasaran aset pendasar pelaburan tersebut pada masa penebusan pramatang. Untuk sebarang penebusan pramatang, IAH dinasihatkan untuk menghubungi pihak Bank untuk rundingan lanjut.</p>									
5. Apakah hasil yang mungkin saya dapat daripada pelaburan saya?										
Sila layari laman web kami di https://www.bankislam.com/personal-banking/other-information/possible-outcome-of-investment/ untuk maklumat lanjut.										
6. Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?										
Bank akan mengenakan kawalan pengurusan risiko ke atas portfolio, undang-undang dan aktiviti operasi; termasuk peruntukan aset, pematuhan kecairan kepada objektif pelaburan dan parameter, penilaian, pemantauan prestasi, pematuhan Syariah dan lain-lain seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Akaun Pelaburan Bank Negara Malaysia (BNM). Walaupun demikian, pada masa-masa kesukaran dalam pasaran, Bank boleh menguruskan peruntukan aset untuk melindungi portfolio pelaburan dengan syarat pelaburan tersebut adalah dalam lingkungan objektif pelaburan dana.										

Oleh itu, anda dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko dengan berhati-hati sebelum membuat keputusan pelaburan. Antara risiko-risiko yang berkaitan dengan akaun pelaburan termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- (a) **Risiko Kehilangan Modal:** merujuk kepada potensi pengurangan nilai amaun pelaburan asal.
- (b) **Risiko Pasaran:** merujuk kepada kemungkinan kesan pergerakan harga (contohnya kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing atau harga ekuiti, mana-mana berkenaan) pada nilai ekonomi sesuatu aset.
- (c) **Risiko Kecairan:** merujuk kepada potensi ketidakupayaan Bank untuk memenuhi permintaan pengeluaran jangka pendek daripada IAH.
- (d) **Risiko Kredit:** merujuk kepada peristiwa yang mungkin berlaku apabila sejumlah besar aset untuk dana tertakluk kepada kemungkiran.
- (e) **Risiko Perundangan:** IAH perlu memastikan bahawa, penyertaan dalam pelaburan ini tidak melanggar sebarang undang-undang, peraturan, kontrak atau apa-apa batasan undang-undang lain yang boleh dikenakan kepada pelabur. Pelaburan ini tertakluk kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam undang-undang, peraturan atau garis panduan tersebut, Bank Islam mungkin diwajibkan untuk mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat pelaburan, termasuk kemungkinan penamatan awal.
- (a) **Risiko Ketidaktepatan Syariah:** merujuk kepada kemungkinan kegagalan untuk mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM dan piawaian mengenai perkara-perkara Syariah yang dikeluarkan oleh BNM atau keputusan atau nasihat Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam.

7. Apakah yuran dan caj yang terlibat?

- Pihak Bank mengetepikan caj wakalah.
- Tiada caj penalti akan dikenakan bagi penebusan pramatang

Jenis Caj	Caj	Kadar / Jumlah
Penggantian sijil yang hilang	Duti Setem bagi Surat Tanggung Rugi tanpa mengira amaun pelaburan	RM10.00

Nota: IAH bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk mengenakan bayaran bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada IAH pada kadar yang ditetapkan oleh Bank (seperti yang diluluskan oleh BNM dan tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah) dan seperti yang dinyatakan di dalam PDS dan/atau laman sesawang Bank.

8. Apakah strategi penilaian yang digunakan, kekerapannya dan di manakah ianya diterbitkan?

Penilaian akan dibuat sekurang-kurangnya setiap bulan selaras dengan kriteria pengiktirafan dan pengukuran Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). IAH boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan akaun pelaburan melalui laman sesawang Bank Islam di www.bankislam.com.

9. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan?

Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad**
Tingkat 17, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03 2690 0900
Faks: 03 2782 1337
E-mel: customercare@bankislam.com.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK di:

- (a) Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
- (b) Melalui faks : 03 2174 1515
- (c) Melalui e-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
- (d) Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

AMARAN:

PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET YANG DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MENANGGUNG RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN ATAU MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.

Nota:

- a. Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- b. Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 19 Ogos 2022.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: